



Maklumat dan bantuan mengenai perkhidmatan penjagaan warga emas

My Aged Care (Penjagaan Warga Emas Saya) memberikan anda maklumat dan bantuan mengenai perkhidmatan penjagaan warga emas yang dibiayai oleh pihak kerajaan. Aged Care Specialist Officers (Pegawai Penjagaan Warga Emas, ACSO) kami boleh membantu anda memahami sokongan yang tersedia.

Apakah tugas seorang ACSO

Mereka boleh membantu anda dengan:

- memberi maklumat tentang pelbagai jenis perkhidmatan penjagaan warga emas, kos dan bagaimana untuk mula mendapatkan bantuan
- merujuk anda kepada organisasi penilaian untuk sesuatu penilaian penjagaan warga emas
- menyediakan penyokong berdaftar untuk membantu anda menangani My Aged Care (Penjagaan Warga Emas Saya)
- menghubungkan anda dengan perkhidmatan sokongan tempatan.

Bagaimana anda boleh berbicara dengan pegawai ACSO

Anda boleh berbicara dengan pegawai ACSO di beberapa pusat khidmat kami atau melalui sembang video pada komputer atau peranti mudah alih anda.

Anda boleh menempah temujanji percuma dengan pegawai ACSO dengan:

- menghubungi **131 202** untuk berbicara dengan kami dalam bahasa anda
- bertanya di pusat khidmat tempatan Services Australia (Perkhidmatan Australia)

Jika anda perlu khidmat penterjemah apabila anda menghubungi atau melawat kami, kami akan menyediakan khidmat ini secara percuma.

Untuk maklumat lebih lanjut

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang My Aged Care (Penjagaan Warga Emas Saya) dan ACSO, anda boleh:

- layari **myagedcare.gov.au**
- layari **servicesaustralia.gov.au/myagedcarefacetoface**
- hubungi Services Australia (Perkhidmatan Australia) talian penjagaan warga emas di **1800 227 475** antara Isnin hingga Jumaat, 8 pagi hingga 5 petang.

Penafian

Maklumat yang terdapat dalam penerbitan ini hanya dimaksudkan sebagai panduan pembayaran dan perkhidmatan. Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk memutuskan apakah anda ingin membuat pembayaran dan membuat permohonan bersesuaian dengan keadaan anda.



Information and help about aged care services

My Aged Care gives you information and help about government-funded aged care services. Our Aged Care Specialist Officers (ACSOs) can help you understand what support is available.

What does an ACSO do

They can help you by:

- giving information about different types of aged care services, costs and how to start getting help
- referring you to an assessment organisation for an aged care assessment
- setting up a registered supporter to help you deal with My Aged Care
- connecting you to local support services.

How you can speak with an ACSO

You can speak with an ACSO at some of our service centres or through video chat on your computer or mobile device.

You can book a free appointment with an ACSO by:

- calling **131 202** to speak with us in your language
- asking at your local Services Australia service centre.

If you need an interpreter when you call or visit us, we will provide one for free.

For more information

To find out more about My Aged Care and ACSOs, you can:

- go to **myagedcare.gov.au**
- go to **servicesaustralia.gov.au/myagedcarefacetoface**
- call Services Australia aged care line on **1800 227 475** between Monday to Friday 8 am to 5 pm.

Disclaimer

The information contained in this publication is intended only as a guide to payments and services. It's your responsibility to decide if you wish to apply for a payment and to make an application with regard to your particular circumstances.